

06/09/1999

Acuan untuk generasi muda

Dr Rais Yatim

SEKALI air bah, sekali pantai berubah. Itulah kata-kata usang yang mengajak masyarakat memperbaharui tekad dan meneruskan perjuangan. Ia relevan dan terpakai selagi bangsa mengamalkan falsafah pesaka bergilir, zaman beredar.

Kemerdekaan yang dicapai selama 42 tahun mesti terus diisi dan kesedaran yang dicapai mesti menggarap perjuangan untuk memperbaiki diri dan bersedia menghadapi alaf akan datang. Sebagaimana proses pemindahan teknologi berjalan di alam sains dan teknologi, begitulah juga hendaknya proses kesinambungan nilai dan amalan di antara perjuangan dan pengisian kemerdekaan itu. Jika proses ini tidak dijamin melalui kekuatan kenegaraan yang ada, besar kemungkinan matlamat bangsa tidak akan tercapai.

Salah satu daripada isu dan permasalahan kenegaraan yang dihadapi kini ialah bagaimana generasi muda yang semestinya akan mewarisi negara dapat menyumbang sebahagian khidmat hidup mereka untuk tanah air.

Golongan muda di sini bolehlah disandarkan kepada pengertian yang diasaskan di bawah Dasar Belia Negara awal tahun-tahun 70-an dahulu, yakni anak bangsa yang berumur dalam lingkungan 16-40 tahun.

Ungkapan "Berkhidmat Untuk Negara" bukan semata-mata bidang tugas kakitangan awam sepertimana yang sering dirakamkan di kaki surat-surat rasmi kerajaan. Berkhidmat untuk negara mesti menjadi amalan dan khidmat biasa kepada dan oleh setiap warga Malaysia. Dari bangku sekolah sampailah ke akhir hayat proses kesinambungan ini harus berjalan. Sejauh mana kita berjaya meraih golongan muda-mudi kita dalam urusan ini?

Persoalan ini banyak bergantung kepada apa yang sedang dialami dan digerakkan oleh sistem kenegaraan yang berfungsi pada hari ini. Bertolak dari titik itu tampaknya masih terlalu banyak pembetulan yang harus dilakukan sebelum rakyat rela berkhidmat untuk negara dalam erti mengisi dan mendaulatkan kemerdekaan itu.

Banyak tafsiran dan tanggapan yang boleh diketengahkan untuk dijadikan ejen peraih kepada golongan muda dalam urusan mengisi kemerdekaan. Tonggak membina masyarakat yang terkandung di dalam Rukun Negara, misalnya, sesuai belaka untuk dijadikan panduan. Begitu juga sembilan cabaran yang diketengahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan masyarakat penyayang melalui pelbagai olahan dan pendekatan termasuk sains dan teknologi serta asuhan rohaniah. Malah semua falsafah yang kini rata-rata dipanggil 'pembentuk minda positif' (positive mindset builder) boleh dijadikan sebagai pemangkin ke arah membentuk individu yang berguna. Tetapi bagi kita di Malaysia langkah yang diperlukan ialah membentuk minda dan pendirian yang menyumbang kepada keteguhan masyarakat dan negara.

Adalah diakui bahawa perbincangan seperti ini memang lebih berbentuk abstrak, justeru mudah membebaskan minda dan lantas membosankan banyak pihak. Dalam pada itu harus juga diakui bahawa tanpa cetusan pemikiran yang berupaya menjana idea membina, negara tidak akan mengecap kecemerlangan atau beroleh kekuatan dalaman daripada tindak-tanduk warganya.

Masalahnya ialah daripada tafsiran dan pelaksanaan konsep serta dasar itu akan muncul beberapa produk sampingan yang mungkin membantutkan usaha membina generasi muda ke arah penghayatan untuk negara. Misalnya, akan ada saja pihak yang nanti mengkritik dan mengatakan bahawa kita tidak perlu lagi berusaha melatih mengikut acuan baru untuk melahirkan generasi yang